



# Pendekatan Dalam Memahami Falsafah Barat Menurut Pandangan Pemikir Islam

Oleh: Syed Ahmad Fathi ([fathi137@gmail.com](mailto:fathi137@gmail.com))

## Pendahuluan

Sejak sekian lama, kita memahami bahawa tamadun Barat dan tamadun Islam itu merupakan dua tamadun yang berbeza, mereka mempunyai dua akar falsafah yang berbeza dan saling bertentangan. Pandangan saya akan hal ini mula berubah apabila saya mendengar perbahasan oleh Roy Casagrande perihal bagaimana pemisahan ini sebenarnya merupakan satu konstruksi imaginatif orang Eropah yang mahu memisahkan diri mereka dengan bangsa Timur di mana sebenarnya falsafah dan tamadun mereka bermula. Jika perkara ini dikaji dengan teliti, kita akan dapat historiografi tamadun Barat ini penuh dengan paradoks, malah permulaannya juga di Timur.<sup>1</sup> Namun kerana konsep pemisahan ini telah disalin dan diulang selama berdekad dan berabad lamanya, ia menjadi satu fakta yang diterima ramai.

Pada 23 November 2024 di Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur saya sempat mengikuti diskusi *Wacana Kerancuan Falsafah Barat* anjuran Pusat Kajian Pemikiran dan Peradaban Ummah (PEMIKIR). Dalam diskusi ini telah diperdalam bentuk-bentuk percanggahan pemikiran yang ada dalam falsafah Barat.<sup>2</sup> Perbentangan-perbentangan dalam diskusi ini kemudian telah dibukukan dalam satu buku kecil bertajuk *Siri Wacana Falsafah Ilmu: Kerancuan Falsafah Barat*. Oleh itu, penulisan ini akan meninjau dan membincangkan beberapa idea di dalam buku kecil ini.

## Membedah Kerancuan Sebuah Falsafah

Kita sering berkefahaman bahawa falsafah Barat itu berdiri atas faudasi rasional dan saintifik sepenuhnya. Menurut buku ini, dakwaan tersebut adalah satu kerancuan. Dakwaan ini perlu dinilai dengan kritis dan tidak boleh diterima atau ditolak secara bulat-bulat.<sup>3</sup> Ia perlu disaring dan diperincikan. Ditentukan mana yang boleh digunakan dan mana yang perlu disisihkan. Saya teringat akan apa yang ditulis oleh Syed Hussein al-Attas perihal kita seharusnya mempelajari ilmu “racun dan ubat” yang merupakan analogi beliau terhadap keperluan mengetahui ilmu dan falsafah Barat.<sup>4</sup>

Sebenarnya dakwaan bahawa falsafah dan pemikiran Barat merupakan pemikiran yang berlandaskan kefahaman saintifik itu memang boleh dipersoalkan. Malah dalam lapangan sains sendiri, ia dipenuhi dengan kontradiksi, paradoks dan pemikiran yang tidak konsisten. Fahaman saintisme yang merasakan hanya sains merupakan jalan untuk mencapai kebenaran dan pandangan bahawa kehidupan di dunia adalah berbentuk mekanistik telah dikritik hebat oleh para pemikir. Saya meminati penulisan Rupert

<sup>1</sup> Lihat tulisan saya bertajuk “Historiografi Astronomi: Paradoks Dalam Pensejarahan Tamadun Barat” untuk memahami dengan lebih terperinci lagi perihal paradoks ini.

<sup>2</sup> Nota perjumpaan ini boleh dirujuk dalam tulisan saya bertajuk “Nota Wacana Kerancuan Falsafah Barat.” *Diskusi Meja Bulat: Pemikiran Peradaban Baharu Siri 2*, 2024.

<sup>3</sup> *Siri Wacana Falsafah Ilmu: Kerancuan Falsafah Barat*. Pusat Kajian Pemikiran dan Peradaban Ummah (PEMIKIR), 2025., hlm. x.

<sup>4</sup> Syed Hussein Alatas. *Kita Dengan Islam: Tumbuh Tiada Berbuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015., hlm. 161.



Sheldrake akan hal ini. Beliau menulis sebuah buku bertajuk *The Science Delusion* bagi membidas buku tulisan aties militan, Richard Dawkins yang bertajuk *The God Delusion*. Walaupun Dawkins menyerang kepercayaan kepada Tuhan secara keseluruhan, jika dibaca bukunya itu, serangan beliau lebih terarah kepada agama Kristian.<sup>5</sup> Buku Sheldrake bagi saya menarik dalam membedah saintisme kerana beliau sendiri merupakan seorang saintis yang lahir dari institusi sains perdana Barat.<sup>6</sup> Dalam kata lain, ia adalah perbahasan dan kritikan dari dalam.<sup>7</sup>

Artikel pertama dalam buku ini bertajuk “Kerancuan Falsafah Barat: Satu Penelitian Semula”. Ia merupakan artikel yang paling panjang dalam buku ini. Ia ditulis oleh Mohd Suhail Mohd Sufian, Muhammad Firdaus bin Zalani, Amar Ismat Mohd Nasir, dan Muhamad Amirul Asyraf Ahmad Kamal Zulkhairi. Mereka berpandangan, pertentangan yang dibuat berkenaan dengan perbezaan antara falsafah Islam dan falsafah Barat membuatkan orang Islam merasakan sains adalah ilmu kufur dan menjadikan mereka bersifat anti-sains. Wujud dalam kalangan orang Islam kefahaman tentang pertentangan antara wahyu dan akal, dan menyebabkan mereka melihat solusi kepada masalah ini adalah pembangunan satu sistem dan institusi Islam yang tersendiri.<sup>8</sup> Pemahaman ini sebenarnya kefahaman yang salah kerana Islam tidak bertentangan dengan sains. Malah jika kita membaca Al-Qur'an itu sendiri, banyak ayat-ayatnya bersifat sains dalam menganjurkan manusia berfikir, melihat, dan mengkaji alam. Mereka menerangkan bahawa dalam epistemologi Islam, kedua-dua wahyu dan akal itu diiktiraf sebagai sumber ilmu yang sah. Ia boleh digunakan dan diharmonikan dalam kerangka yang betul.<sup>9</sup> Ini saya kira merupakan inti utama buku ini.

**Pengaruh Agama Mithra Dalam Falsafah Barat**

Dalam mengkritik falsafah Barat dan menunjukkan bahawa ianya tidaklah bersumberkan rasional semata-mata, pengaruh ajaran Mithra diketengahkan. Ajaran ini mempunyai pengaruh kepada pemikiran Plato dan Aristotle dan melahirkan pemikiran berbentuk politeistik dan panteistik.<sup>10</sup> Selain itu, pemikiran mistik dan bersifat *occult* juga dapat dikesan dalam pemikiran tokoh-tokoh sains seperti Newton, Boyle, dan Locke.<sup>11</sup> Kepercayaan Mithraisme ini bukan sahaja masuk ke dalam pemikiran pemikir sains dan pemikir rasional sahaja, ia juga menyusup masuk ke dalam ajaran Kristian. Ini dapat dilihat dari unsur-unsur sinkretik dalam agama Kristian yang menyerap masuk unsur-unsur kepercayaan pagan seperti yang dilakukan oleh Paul the Apostle dan Council of Nicaea. Oleh kerana bercampur-aduknya unsur-unsur pagan ini, Syed Naquib al-Attas berpandangan, apa yang ditentang oleh orang Eropah semasa era *Enlightenment* itu bukan wahyu tetapi pemikiran manusia sendiri yang sebenarnya berasal dari kepercayaan pagan.<sup>12</sup>

Walaupun saya merasakan pengaruh ajaran Mithraisme dan pagan itu memang ada dalam beberapa pemikir dan ahli falsafah Barat, ia bukanlah hujah yang kuat dalam kita mengkritik falsafah Barat. Kerana pada pandangan saya ia bukan dianuti oleh ke semua pendokong falsafah Barat tetapi dipercayai oleh

<sup>5</sup> Richard Dawkins. *The God Delusion*.

<sup>6</sup> Rupert Sheldrake. *The Science Delusion*.

<sup>7</sup> Lihat juga tulisan saya yang bertajuk “Menganalisa Sains Sebagai Sumber Ilmu Dalam Lapangan Epistemologi.” *Reviu Epistemologi*, 2024.

<sup>8</sup> *Siri Wacana Falsafah Ilmu: Kerancuan Falsafah Barat*, hlm. 3.

<sup>9</sup> *Ibid.*, hlm. 13.

<sup>10</sup> *Ibid.*, hlm. 17.

<sup>11</sup> *Ibid.*, hlm. 19.

<sup>12</sup> *Ibid.*, hlm. 20-21.

sebahagian sahaja. Kefahaman sebahagian tokoh-tokoh ini juga tidak dijadikan faundasi kepada falsafah Barat yang lebih moden dan terkemudian. Oleh itu, kritikan yang menggunakan pendekatan ini bukan kritikan yang menyeluruh sebaliknya hanya menyentuh keperibadian sebahagian tokoh sahaja menurut pandangan saya. Pada pandangan saya, mengkritik *substance* pemikiran dan falsafah itu lebih berkesan dalam kita melakukan dekonstruksi terhadap pemikiran Barat. Sebab itu saya merasakan penulisan Sheldrake dalam hal ini lebih berkesan dalam menjawab dikotomi pemikiran rasional terutamanya dalam hal saintisme.

### Ideologi di Sebalik Teknologi dan Perlaksanaan

Artikel kedua dalam buku *Siri Wacana Falsafah Ilmu: Kerancuan Falsafah Barat* ini bertajuk “Perlunya Dimensi Teknokratik Dalam Membatasi Kesan Reduksionisme Liar” tulisan Fakri Zaky Jaafar dan Bahbibi Rahmatullah. Artikel ini bagi saya merupakan satu cubaan untuk melihat bahawa sebenarnya teknologi yang kita gunakan dalam kehidupan seharian kita bukanlah bersifat neutral. Ia mempunyai ideologi yang tersendiri serta memberi kesan kepada budaya dan kehidupan kita.

Menurut Fakri dan Bahbibi, dalam pembinaan sesebuah tamadun, ia memerlukan barisan teknokrat. Namun masalah timbul apabila teknokrat ini tidak mempunyai kefahaman yang sama dengan ahli falsafah yang membuatkan falsafah sebuah tamadun. Maka wujudlah jurang antara dua golongan ini. Para teknokrat ini adalah golongan pelaksana yang menggunakan teknologi. Apabila mereka mereka melaksanakan sesuatu, sebenarnya pemilihan teknik dan pendekatan yang digunakan itu mempunyai kesan kepada corak sejarah dunia yang sedang dibina.<sup>13</sup>

Contoh yang diketengahkan dalam artikel ini adalah bidang pendidikan. Di Malaysia, pendidikan didirikan di atas Falsafah Pendidikan Negara yang cantik dan menyeluruh. Namun disebabkan pemilihan teknik reduksionisme dalam menjayakan falsafah ini oleh para teknokrat, natijah yang ingin dihasilkan dari falsafah tadi tidak terlaksana. Antara teknik reduksionis yang digunakan dalam pendidikan adalah penaksiran berdasarkan taksonomi Bloom.<sup>14</sup>

Reduksionisme sebenarnya hanya merupakan satu kerangka fikir dalam membantu manusia berfikir. Namun, masalah timbul apabila ia diangkat seolah menjadi falsafah asas yang digunakan sebagai satu-satunya cara berfikir, melihat, dan menyelesaikan masalah dunia. Inilah yang ditakrifkan sebagai “reduksionisme liar”. Cara berfikir yang memecahkan gagasan besar kepada komponen kecil ini mungkin berguna bagi memahami struktur mekanikal. Namun ia bermasalah apabila diaplikasikan dalam memahami kehidupan.<sup>15</sup> Sekali lagi saya merasakan perkara ini diterangkan dengan baik oleh Rupert Sheldrake. Dalam bukunya beliau menerangkan bagaimana dengan membedah haiwan kepada komponen-komponen kecil menjadikan kita tidak dapat mengkaji kehidupan itu secara lengkap. Ini menyebabkan beliau meninggalkan kajian biologi yang dirasakan kejam dan bersifat reduktif.<sup>16</sup> Kajian ini menggunakan sudut pandang bahawa kehidupan itu boleh dikaji seperti kajian mekanikal.

Cara menggunakan pemikiran reduksionisme adalah mengaplikasikannya dalam masalah tertentu sahaja. Misalnya ketika kita mahu menyelesaikan masalah perihal mesin, robot, atau komputer. Selepas masalah itu diselesaikan, kita berlu berhenti berfikir secara reduktif dan menggunakan kerangka fikir lain untuk menyelesaikan masalah lain.<sup>17</sup> Ini mengingatkan saya akan idea yang diutarakan oleh Eckhart Tolle perihal bagaimana untuk berfikir. Bagi Tolle kita tidak perlu berfikir setiap masa, berfikir hanya ketika perlu sahaja. Apabila tidak berlu, kita perlu berhenti berfikir.<sup>18</sup> Jika tidak, kita mungkin boleh jadi gila.

<sup>13</sup> *Siri Wacana Falsafah Ilmu: Kerancuan Falsafah Barat*, hlm. 36-37.

<sup>14</sup> *Ibid.*, hlm. 39.

<sup>15</sup> *Ibid.*, hlm. 40.


<sup>16</sup> Rupert Sheldrake. *The Science Delusion.*, hlm. 46-54.

<sup>17</sup> *Siri Wacana Falsafah Ilmu: Kerancuan Falsafah Barat*, hlm. 44.

<sup>18</sup> Eckhart Tolle. *The Power of Now*.

Kemampuan berhenti berfikir adalah kemampuan yang sangat penting bagi membantu manusia berehat dan juga berasa bahagia.

### Sekularisme dan Kematian Kemanusiaan



Artikel terakhir dalam naskah *Siri Wacana Falsafah Ilmu: Kerancuan Falsafah Barat* bertajuk “Manusia Sekular dan Krisis Nilai” tulisan Mohd Nasir bin Mohd Tap. Artikel ini sangat keras dalam kritikannya terhadap sekularisme dan sekularisasi yang akhirnya menatijahkan kematian kemanusiaan.

Apabila manusia itu diputuskan hubungannya dengan kekudusan, maka melatarlah mereka cuba mencari apa yang hendak mereka perbuat di atas muka bumi ini. Mereka cuba mencipta pelbagai konsep bagi mengisi matlamat kewujudan mereka. Antaranya adalah usaha menjadi adimanusia (*ubermensch*) seperti yang dibawakan oleh Nietzsche.<sup>19</sup> Manusia sekular menjadikan manusia sebagai matlamatnya, dan manusia sebagai pusat bagi realiti.<sup>20</sup> Nilai-nilai pula dianggap relatif dan kebenaran dikatakan tidak wujud. Seperti yang diungkapkan oleh Jacques Derrida bahawa kebenaran itu tidak mungkin dicapai.<sup>21</sup>

Hasilnya adalah lahirnya manusia tanpa kemanusiaan.<sup>22</sup> Di mana manusia dianggap sebagai sebuah organisme tanpa jiwa.<sup>23</sup> Dari sekularisme lahirnya pemikiran yang merosakkan. Misalnya seperti apa yang disebutkan oleh Yuval Noah Harari bahawa apa sahaja yang boleh dilakukan adalah sebahagian dari alam semulajadi (*all that is possible is natural*).<sup>24</sup> Jika kita menerima idea ini, maka manusia boleh melakukan apa sahaja dan undang-undang itu sendiri tidak bernilai. Maka tidak hairanlah jika kita melihat hari ini negara-negara Barat seperti Amerika Syarikat, Britain, dan Jerman boleh membantu Zionis membunuh lebih 40,000 manusia di Gaza, Palestin. Mereka tidak berasa bersalah kerana mereka adalah produk dari proses sekularisasi yang melahirkan moral-nihilisme.

### Kesimpulan

Falsafah Barat dan akar sejarahnya sememangnya mempunyai dikotomi dan paradoks yang serius. Oleh itu, umat Islam perlu mengambilnya dengan berhati-hati dan tidak menerimanya secara bulat-bulat. Falsafah Barat itu ada sumbangannya terhadap peradaban dan pemikiran manusia. Namun ia bukanlah satu model yang sempurna yang boleh kita laksanakan. Sebaliknya kita memerlukan ilmuan yang dapat membantu kita menyaring dan memilih kebaikannya dan menyisihkan penyakit-penyakitnya. Jika tidak, kita akan mengikuti orang-orang Barat dan menjadi masyarakat yang bangkap dari sudut nilai dan kemanusiaan. Kita juga perlu menyedari bahawa kita sudah mempunyai akar falsafah yang lebih lengkap dan holistik di mana wahyu dan akal itu diterima sebagai sumber ilmu dan kebenaran. Falsafah baharu kita bukan membawa kepada pemikiran anti-sains, sebaliknya mengharmonikan rasional dan pemikiran saintifik dengan nilai-nilai jiwa dan keinsanan yang ada dalam agama Islam. Hanya dengan pendekatan inilah kita mampu membentuk manusia yang holistik, yang mampu berfikir secara rasional dalam masa yang sama mempunyai jiwa dan nilai keinsanan. Saya berfahaman, itulah pendekatan pemikir-pemikir Islam dalam kita mendepani falsafah Barat setelah saya membaca buku kecil ini.

<sup>19</sup> *Siri Wacana Falsafah Ilmu: Kerancuan Falsafah Barat*, hlm. 56.

<sup>20</sup> *Ibid.*, hlm. 57.

<sup>21</sup> *Ibid.*, hlm. 60.

<sup>22</sup> *Ibid.*, hlm. 63.

<sup>23</sup> *Ibid.*, hlm. 65.

<sup>24</sup> Yuval Noah Harari. *Sapiens: A Brief History of Humankind*.

## Bibliografi

- Dawkins, R. (2007). *The God Delusion*. Black Swan.
- Harari, Y. N. (2015). *Sapiens: A Brief History of Humankind*. Vintage.
- Mohd Suhail Mohd Sufian, Muhammad Firdaus bin Zalani, Amar Ismat Mohd Nasir, Muhamad Amirul Asyraf Ahmad Kamal Zulkhairi, Fakri Zaky Jaafar, Bahbibi Rahmatullah, & Mohd Nasir Bin Mohd Tap. (2025). *Siri Wacana Falsafah Ilmu: Kerancuan Falsafah Barat*. Pusat Kajian Penikiran dan Peradaban Ummah (PEMIKIR).
- Sheldrake, R. (2013). *The Science Delusion*. London: Coronet.
- Syed Ahmad Fathi. (2023). Historiografi Astronomi: Paradoks Dalam Pensejarahan Tamadun Barat. *Academia Book Review*.
- Syed Ahmad Fathi. (2024). Menganalisa Sains Sebagai Sumber Ilmu Dalam Lapangan Epistemologi. *Reviu Epistemologi*, 1-11.
- Syed Ahmad Fathi. (2024). Nota Wacana Kerancuan Falsafah Barat. *Diskusi Meja Bulat: Pemikiran Peradaban Baharu Siri 2*, 1-8.
- Syed Hussein Alatas. (2015). *Kita Dengan Islam: Tumbuh Tiada Berbuah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tolle, E. (2001). *The Power of Now: A Guide to Spiritual Enlightenment*. Hodder & Stoughton.

